



**PEKELILING**  
**SURUHANJAYA PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

BIL. 3 TAHUN 2017

**PEMANSUHAN LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN KENDERAAN**

**PERKHIDMATAN AWAM (“PKPA”) KELAS:**

- (1) TEKSI LAPANGAN TERBANG;
- (2) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN BAJET;
- (3) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN EKSEKUTIF,
- (4) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN PREMIER; DAN
- (5) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN TEKSI 1MALAYSIA.

(“LESEN PENGENDALI TERBABIT”)

TARIKH: 31 Mac 2017

PEMANSUHAN LESEN PENGENDALI PERKHIDMATAN KENDERaan

**PERKHIDMATAN AWAM (“PKPA”) KELAS:**

- (1) TEKSI LAPANGAN TERBANG;
- (2) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN BAJET;
- (3) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN EKSEKUTIF,
- (4) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN PREMIER; DAN
- (5) TEKSI JENIS PERKHIDMATAN TEKSI 1MALAYSIA.

(“LESEN PENGENDALI TERBABIT”)

**1.0 TUJUAN**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan semua pengendali berlesen yang memiliki Lesen Pengendali Terbabit berhubung dasar Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (“S.P.A.D”) mengenai pemansuhan Lesen Pengendali Terbabit dan migrasi Lesen Pengendali Terbabit kepada lesen pengendali PKPA kelas teksi (tanpa jenis perkhidmatan), kereta sewa atau teksi mewah mengikut pilihan pengendali berlesan yang terkesan.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 S.P.A.D. bertanggungjawab untuk menggubal polisi, merancang dan mengawalselia pengangkutan awam darat dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya seperti yang termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat 2010 dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang telah berkuatkuasa sepenuhnya pada 31 Januari 2011.
- 2.2 S.P.A.D. komited dalam usaha menambahbaik dan mentransformasikan industri teksi di Semenanjung Malaysia.

### 3.0 PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 3.1 Bagi memenuhi matlamat Program Transformasi Industri Teksi (“TITP”) yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 10 Ogos 2016, S.P.A.D. ingin memaklumkan bahawa Lesen Pengendali Terbabit akan dimansuhkan.
- 3.2 Lanjutan daripada itu, S.P.A.D. menetapkan agar Lesen Pengendali Terbabit menjalani proses migrasi secara berperingkat tertakluk kepada:
  - (a) had usia kenderaan; atau
  - (b) tempoh sah laku surat tawaran kelulusan (“STK”) atau surat kelulusan (“SK”).
- 3.3 Bagi kenderaan-kenderaan di bawah Lesen Pengendali Terbabit yang telah mencapai had usia penggunaan pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan, pengendali-pengendali berlesen bagi kenderaan-kenderaan tersebut diberikan satu **jangkamasa peralihan selama enam (6) bulan** untuk menukar lesen pengendali mereka kepada salah satu lesen pengendali dari kelas yang berikut:
  - (a) kelas teksi;
  - (b) kelas kereta sewa; atau
  - (c) kelas teksi mewah.
- 3.4 Bagi kenderaan-kenderaan di bawah Lesen Pengendali Terbabit yang belum mencapai had usia penggunaan pada tarikh pekeliling ini dikeluarkan, pengendali-pengendali berlesen bagi kenderaan-kenderaan tersebut hendaklah menukar lesen pengendali mereka kepada salah satu lesen pengendali dari kelas yang berikut apabila kenderaan-kenderaan tersebut telah mencapai had usia penggunaan:
  - (a) kelas teksi;

- (b) kelas kereta sewa; atau
  - (c) kelas teksi mewah.
- 3.5 Permohonan bagi penukaran lesen pengendali sebelum had usia penggunaan adalah digalakkan.
- 3.6 Bagi STK atau SK yang telah dikeluarkan oleh S.P.A.D. untuk Lesen Pengendali Terbabit yang masih sah tempoh laku pada atau selepas 1 Oktober 2017, pemegang STK atau SK tersebut hendaklah membuat permohonan semula untuk lesen pengendali PKPA kelas teksi (tanpa jenis perkhidmatan), kereta sewa atau teksi mewah dan pengeluaran STK atau SK yang baharu adalah tertakluk sepenuhnya kepada syarat-syarat kelayakan kelas yang dipilih.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

- 4.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua pengendali berlesen PKPA kelas teksi lapangan terbang dan kelas teksi.

#### **5.0 PEMBATALAN**

- 5.1 Pekeliling Bil. 4 Tahun 2014 bertarikh 4 April 2014 Migrasi Perkhidmatan Kenderaan Perkhidmatan Awam Kelas Teksi adalah dibatalkan.

## 6.0 TARIKH KUATKUASA PEKELILING

- 6.1 Arahan-arahan dan perkara-perkara yang dinyatakan di atas berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

(MOHD AZHARUDDIN BIN MAT SAH)

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat

31 Mac 2017

s.k Semua Persatuan Teksi Semenanjung

Semua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri  
Semenanjung Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif, PUSPAKOM Sdn. Bhd.

Ketua Trafik, Bukit Aman, Polis Diraja Malaysia.

Setiausaha Bahagian Dasar dan Antarabangsa, Kementerian  
Pengangkutan Malaysia

Persatuan Insuran Am Malaysia (PIAM)

Pusat Khidmat Aduan Pengguna Nasional (NCCC)

Institut Automatif Malaysia

Ketua Pengarah, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya  
Malaysia (MIROS)

Ketua Pegawai Eksekutif, Jabatan Keselamatan Jalan Raya Malaysia  
(JKJR)

## Lampiran 1

<u>Jadual Perlaksanaan</u>	
<u>31 Mac 2017</u>	<u>1 Oktober 2017</u>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Boleh mula membuat permohonan migrasi teksi</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Bermula tarikh mandatori migrasi teksi</li></ul>
2017	
April	Mei
Jun	Julai
Ogos	September
Oktober	
	Tempoh Peralihan